

Nama Suratkhobar : Berita Harian (Sisipan BH2/Segmen Sastera)

Tarikh : 4 Jun 2015 (Khamis)

Mukasurat : 5

**BH** 4 JUN 2015 © KHAMIS *↳ BH2 (Sastera) ms 5*



# Masa depan warisan budaya

» **KLIAF bakal himpulkan penggiat seni Malaysia, dunia**

**Oleh Hafizah Iszahanid**  
hafiza@bh.com.my

**M**asa depan seni warisan tradisi Malaysia seperti makyung, wayang kulit, menora dan kuda kepang akan terus cemerlang di sebalik kebimbangan umum terhadap keupayaannya berdepan dengan cabaran zaman.

Keyakinan itu diluahkan oleh Pengarah Projek PUSAKA, Eddin Khoo, yang juga pengasas kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berorientasikan budaya berkenaan.

Katanya, sambutan dan kesedaran generasi muda terhadap seni warisan tempatan semakin baik yang boleh dilihat dengan keanggotaan orang muda sebagai pelapis seni wayang kulit, kuda kepang dan makyung yang dinaungi PUSAKA.

"20 tahun lalu, kita ada masalah dengan jati diri sehingga tertanya-

tanya tentang budaya dan sejarah yang menyebabkan orang muda terasa kosong sehingga mencari diri menerusi dua bentuk itu.

"Kami bangga kerana menjadi sebahagian daripada perubahan itu sehingga anak muda pada hari ini melihat budaya sebagai sesuatu yang bermaruah," katanya kepada *Sastera BH* di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Tambah Eddin, bukan hanya pementasan dalam negara mendapat sambutan ramai, bahkan pengalamannya mementaskan wayang kulit di Amerika Syarikat (AS) menyaksikan seni tradisi tempatan berada dalam kelasnya tersendiri.

**Perbezaan bahasa bukan halangan**

"Ketika di AS, persembahan kami diterima dengan baik. Bahasa tidak pernah menjadi halangan kerana seni dan budaya itu universal yang merentas sempadan," katanya.

Eddin berkata, meskipun ada sesetengah seni warisan itu dihirupkan, ia tidak memadamkannya serta merta kerana penghormatan menyebabkan orang ramai menjadi lebih ingin tahu.

"Budaya kita mungkin celaru tetapi pertembungannya itu yang menarik. Hari ini, rakyat Malaysia menjadi semakin serius tentang budaya mungkin disebabkan pergolakan politik yang menyebabkan mereka mencari sejarah dan mempersoalkan jati diri.

"Sesuatu yang perlu disedari, budaya itu bukan hanya persembahan di pentas tetapi jati diri yang semakin disedari oleh generasi muda," katanya.

**Lima penggiat seni tanah air**

Berdasarkan pembabitannya dalam seni budaya selama dua dekad, Eddin bersama-sama empat penggiat seni di negara ini ditugaskan sebagai kurator bagi mengendalikan lima segmen berbeza untuk menjayakan Festival Seni Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIAF) yang akan berlangsung 1 September hingga 4 Oktober ini.

Tokoh terabit ialah penari tarian klasik India, Datuk Ramli Ibrahim; pemuzik, Micheal Veerapan dan pelawak, Harith Iskandar, serta Pengarah Urusan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Mohd Khair Ngadiron.

Sementara itu, Pengarah KLIAF, Sunita Rajakumar, berkata acara itu akan dipecahkan kepada lima genre, iaitu muzik, persembahan komedi, tarian, kesusasteraan dan warisan tradisional.

**Anggaran 150,000 tiket**

"KLIAF yang diadakan pada skala besar ini, bakal menghimpunkan penggiat seni Malaysia dan Asia Tenggara dengan anggaran 150,000 tiket akan dijual," katanya.

KLIAF yang mendapat kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan berlangsung di pelbagai lokasi di ibu kota dan turut membabitkan penggiat seni antarabangsa seperti Alim Qasimov dari Azerbaijan; Mehr Ali dan Sher Ali (Pakistan), selain pelawak AS, Paul Ogata serta Tom Rhodes (Australia).

Maklumat lanjut mengenai KLIAF boleh diperolehi menerusi laman web [www.diversecity.my](http://www.diversecity.my).

**Eddin Khoo,**  
Pengarah Projek PUSAKA

*"Kami bangga menjadi sebahagian daripada perubahan itu sehingga anak muda hari ini melihat budaya sebagai sesuatu yang bermaruah"*